

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN RUBIAH BINTI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan UNIT LAKSANA dalam memastikan inisiatif di bawah Pakej Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Ransangan Ekonomi yang terdiri daripada Pakej PRIHATIN, Pakej PRIHATIN Tambahan, Pelan PENJANA dan Pakej Kita Prihatin bernilai RM305 bilion yang merangkumi lebih daripada 80 inisiatif yang berteraskan rakyat, perniagaan dan ekonomi. Inisiatif ini dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian, Agensi dan pihak swasta, dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

2. Sehingga 30 November 2020, kemajuan perbelanjaan PRIHATIN adalah seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM98.5 bilion atau 74.3% daripada RM132.3 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi matlamat pertama iaitu melindungi rakyat telah dibelanjakan;
- ii. Sebanyak RM53.26 bilion atau 43.99% daripada RM121 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi matlamat kedua iaitu menyokong perniagaan telah dibelanjakan; dan
- iii. Sebanyak RM4.55 bilion atau 67.49% daripada RM6.7 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi matlamat ketiga iaitu memperkukuh ekonomi telah dibelanjakan.

3. Sehingga 30 November 2020, kemajuan perbelanjaan PENJANA adalah seperti berikut:-

- i. Sebanyak RM7.36 bilion atau 56.0% daripada RM13.2 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi teras pertama iaitu memperkasa rakyat telah dibelanjakan;
- ii. Sebanyak RM5.63 bilion atau 37.66% daripada RM14.7 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi teras kedua iaitu melonjak perniagaan telah dibelanjakan; dan

- iii. Sebanyak RM2.02 bilion atau 26.78% daripada RM7.1 bilion yang diperuntukkan bagi memenuhi teras ketiga iaitu merangsang ekonomi telah dibelanjakan.
4. Sehingga 30 November 2020, kemajuan perbelanjaan bagi KITA PRIHATIN adalah seperti berikut:-
- i. Bagi Bantuan Prihatin Nasional 2.0, sebanyak RM4.8 bilion atau 68.6% daripada RM7.0 bilion telah dibelanjakan melibatkan seramai 10.5 juta penerima. Bayaran kedua dijangka pada Januari 2021;
 - ii. Bagi Program Subsidi Upah 2.0, sebanyak 39,203 majikan dan 307,420 pekerja telah menerima manfaat dimana sebanyak RM240 juta telah dibelanjakan; dan
 - iii. Bagi inisiatif Geran Khas Prihatin 2.0, penyaluran telah bermula pada 30 November 2020 dan pelaporan akan dibuat bermula pada laporan bulan hadapan.
5. Bagi memastikan supaya kesemua inisiatif sampai kepada golongan yang disasarkan secara cekap dan berkesan, maka pihak Kerajaan telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) di bawah Kementerian Kewangan. LAKSANA dengan kerjasama Kementerian / Agensi lain akan memantau secara rapat pelaksanaan inisiatif dan membuat intervensi awal kepada sebarang isu pelaksanaan yang timbul selain turut membuat pelaporan secara berkala dan berterusan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.